

Demi Bahasa Melayu yang Tercinta

SEJARAH telah mencatatkan bahawa ratusan tahun yang lalu bahasa Melayu pernah diangkat sebagai bahasa *lingua franca* yang menjadi bahasa perantara dan bahasa perhubungan antara golongan masyarakat yang berlainan bahasa di rantau Asia Tenggara.

Penguasaan bahasa Melayu berlaku melalui dua kaedah, yang pertama melalui pewarisan, iaitu seseorang itu memang dilahirkan dalam keluarga yang menggunakan bahasa Melayu, manakala yang keduanya, bahasa Melayu yang dipelajari dan dikuasai melalui proses sosialisasi, misalnya melalui pendidikan atau pergaulan.

Angka 65 pada tahun ini menunjukkan bahawa negara kita

telah melalui zaman kemuncaknya meniti kegemilangan dalam pelbagai bidang, terutama terhadap perkembangan dan kemajuan bahasa Melayu. Pemertabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah dijamin oleh Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan sejak kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.

Pada awal perjuangan memartabatkan bahasa Melayu digerakkan beriringan dengan perjuangan membebaskan tanah air daripada belunggu penjajahan. Perjuangan ini mencapai kejayaan dengan termaktubnya Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu. Kedaulatan bahasa

Melayu ditambah dengan peranan dan fungsinya menjadi bahasa rasmi, bahasa perpaduan dan bahasa komunikasi. Pemahaman terhadap fungsi bahasa Melayu ini telah menerbitkan rasa kecintaan yang mendalam terhadap bahasa Melayu dan menjadi dorongan kepada kita sebagai rakyat Malaysia untuk mempelajari, menghayati, menguasai dan seterusnya menggunakannya dengan penuh rasa bangga.

Pada dasarnya hal ini bukan sesuatu yang sukar untuk diaplikasikan kerana sejarah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah digunakan sejak berzaman yang lalu. Kegemilangan bahasa Melayu pada masa itu memperlihatkan bahawa bahasa Melayu berperanan sebagai penggerak tamadun bangsa sekali gus berperanan sebagai




bahasa yang digunakan untuk membentuk, merakamkan, membina dan menyampaikan fikiran bangsa Melayu dari satu generasi ke generasi yang lain, bukan sekadar untuk berkomunikasi dalam perhubungan sosial semata-mata (Jeniri Amir, 2009)

Jika diperhatikan, berbagai-bagai usaha telah dilaksanakan sebagai bukti menunjukkan rasa kecintaan terhadap bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan ini. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merupakan organisasi yang banyak memainkan peranan penting dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu di Malaysia. DBP menjadi satu daripada platform kerajaan yang diwujudkan untuk membina, memperkaya dan mengembangkan bahasa Melayu dalam semua bidang, sama ada melalui bidang pembinaan, pengembangan, penyelidikan ataupun penerbitan.

Melalui bidang pembinaan, DBP banyak membentuk istilah atau menggubal kata baharu untuk menyampaikan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang ilmu. Begitu juga dengan pembinaan kamus, yang mana *Kamus Dewan* telah menjadi templat penyusunan terhadap kamus lain (sekadar memberikan beberapa contoh).

Di samping itu, DBP juga banyak memainkan peranan untuk menggerakkan, mengembang dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Seiring dengan matlamat penubuhan DBP yang merupakan sebuah jabatan kecil di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pada awalnya bertujuan untuk mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang akan mencapai kemerdekaan pada ketika itu.



Pada peringkat sekolah rendah, usaha memupuk semangat cinta akan bahasa Melayu dilakukan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai mata pelajaran teras di sekolah.

DBP sudah melakukan pelbagai usaha bagi memartabatkan bahasa Melayu yang digerakkan secara menyeluruh dan merentasi sempadan kaum. Misalnya, program Festival Bahasa dan Sastera mula dianjurkan secara tahunan sejak tahun 2009, berjaya memupuk semangat cinta akan bahasa kebangsaan dalam kalangan pelajar sekolah persendirian Cina dan Tamil. Program Bahasa dan Sastera yang telah menjangkau tempoh 13 tahun itu terbukti telah diterima dan menarik minat masyarakat bukan Melayu.

DBP turut menganjurkan bermacam-macam sesi perkongsian ilmu berkaitan dengan kebahasaan yang melibatkan aktiviti baik dalam negara mahupun melibatkan hubungan luar negara yang begitu giat dilaksanakan. Penganjuran berbagai-bagai pengisian menarik ini membantu mewujudkan kesedaran, galakan dan dorongan untuk meningkatkan lagi tahap komunikasi serta penulisan

dalam bahasa Melayu secara tekal.

Seiring dengan usaha memartabatkan bahasa Melayu, kaedah bagi meningkatkan semangat cinta akan bahasa Melayu juga perlu dikenal pasti dan dilaksanakan. Bertepatan dengan peribahasa Melayu, “melentur buluh biarlah dari rebungunya”, usaha memupuk semangat cinta akan bahasa kebangsaan perlu dipupuk dan disemai sedari kecil dalam kalangan pelajar sekolah. Bertitik tolak daripada itu, pelbagai usaha dapat dilakukan untuk memupuk dan menerapkan semangat cinta akan bahasa Melayu di sekolah yang mempunyai pengaruh besar terhadap perkembangan kanak-kanak. Pada peringkat sekolah rendah, usaha memupuk semangat cinta akan bahasa Melayu dilakukan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai mata pelajaran teras di sekolah.

Mata pelajaran bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang wajib diajar di sekolah. Laporan Razak memberikan bahasa Melayu peranan yang sah sebagai bahasa kebangsaan serta menjadi tunjang terhadap perpaduan integrasi negara. Melalui Laporan Razak, penekanan diberikan terhadap keperluan mengorientasikan semula semua sekolah dengan memperkenalkan kandungan sukatan pelajaran dan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama.

Secara umumnya, matlamat sistem pendidikan kebangsaan di sekolah adalah untuk membolehkan pelajar menghargai dan berbangga dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi negara serta menjadi alat perpaduan rakyat. Pada peringkat sekolah menengah, pencapaian bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil

Pelajaran Malaysia merupakan tahap penting yang menjadi kayu pengukur terhadap aras penguasaan dan pencapaian bahasa Melayu seseorang rakyat Malaysia, baik dalam aspek penulisan mahupun komunikasi.

Syarat yang ketat melibatkan kelulusan bahasa Melayu perlu diaplikasikan dalam proses kemasukan ke pusat pengajian tinggi atau dalam bidang pekerjaan terutama dalam sektor awam. Diharapkan pada masa hadapan, pelajar yang tidak lulus bahasa Melayu tidak akan diterima untuk berada dalam perkhidmatan awam agar kedudukan bahasa Melayu dapat dipelihara dan dimartabatkan.

Penguasaan dan pemartabatan bahasa Melayu menjadi tanggungjawab setiap warganegara Malaysia dan menjadi agenda utama pembuat dan pelaksana dasar, selari dengan keperluan Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan (Akta 32) 1963/67. Calon yang memohon untuk perkhidmatan dalam sektor awam negara perlu mencapai tahap kelulusan yang lebih tinggi dalam peperiksaan serta penguasaan bahasa Melayu yang cemerlang sebagai bahasa komunikasi.

Begitu juga dalam aspek kenaikan pangkat, pegawai yang memperlihatkan tahap penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu yang luar biasa lebih layak untuk dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat. Fenomena ini kerana penjawat awam merupakan barisan hadapan kerajaan yang menjalankan urusan dan pentadbiran khususnya dalam perkhidmatan awam. Syarat kelulusan bahasa Melayu perlu menjadi syarat utama untuk diterima bekerja dalam sektor awam.

Para profesional negara perlu cemerlang dalam bahasa Melayu baik dalam lisan mahupun tulisan.

Masalah komunikasi akan berlaku dari peringkat bawah hingga peringkat atas sekiranya wujud ketidاكلانaran berkomunikasi dalam bahasa Melayu dalam kalangan penjawat awam. Keadaan ini sudah tentu akan mendatangkan masalah dan kesan jangka masa panjang kepada rakyat dan negara. Kelonggaran syarat yang melibatkan bahasa Melayu seperti meremehkan dan menghina bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Begitu juga, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berperanan untuk memperluas agenda kebahasaan yang melibatkan seluruh sektor awam walaupun semua urusan dan pentadbiran termasuk perkhidmatan kaunter, iklan kekosongan jawatan sektor awam dan maklum balas aduan menggunakan bahasa Melayu. Namun demikian, dokumen terjemahan dalam bahasa Inggeris disediakan juga dengan dokumen rasmi yang disediakan dalam bahasa kebangsaan, manakala penggunaan bahasa Inggeris dibenarkan bersekali dengan penggunaan bahasa kebangsaan apabila majlis rasmi yang melibatkan kehadiran bukan warganegara Malaysia.

Dalam keadaan tertentu, Pegawai Khidmat Pelanggan juga perlu menggunakan bahasa selain daripada bahasa kebangsaan yang difahami oleh pelanggan berkenaan. Mungkin pada masa akan datang, kita mampu melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan tanpa bersekali dengan bahasa Inggeris sebagai pilihan. Dengan berbuat demikian, kedudukan bahasa Melayu lebih dimartabatkan.

Pembentukan Munsyi Muda Bahasa yang diperkenalkan di jabatan dan agensi kerajaan perlu diperluas dan jumlahnya perlu ditingkatkan. Munsyi Muda Bahasa terdiri daripada penjawat awam

yang telah mengikuti kursus bahasa Melayu dalam tempoh tertentu dan melepasi tahap penilaian kefahaman bahasa Melayu oleh DBP dan ditauliahkan oleh Ketua Pengarah DBP, serta dilantik oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Setakat tahun 2022, sebanyak 23 siri kursus digerakkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan sebanyak 480 orang Munsyi Muda Bahasa daripada pelbagai Kementerian, jabatan dan agensi telah ditauliahkan (Alauddin Sidal, 2022). Walau bagaimanapun, jumlah tersebut perlu ditambah bagi mencapai keperluan sebagai jentera tulang belakang pembangunan negara. Oleh sebab itu, penekanan penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam kalangan penjawat awam amat perlu dititikberatkan.

Sehubungan dengan hal itu, semangat patriotisme terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang dicerminkan sebagai “Bahasa Jiwa Bangsa” dan bahasa penyatuan perlu tersemat dalam setiap sanubari rakyat Malaysia. Bahasa Melayu perlu dimartabatkan dan menjadi penyatu kepada rakyat yang berbilang agama, kaum dan budaya di Malaysia.

Setiap rakyat Malaysia yang menetap dan mengaku dirinya sebagai warganegara Malaysia wajib menguasai dan mampu berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Melayu. Maka itu, bahasa Melayu yang dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan negara tidak wajar dijadikan sekadar hiasan, tetapi perlu berada pada kedudukan yang selayaknya sebagai bahasa kebangsaan. Kita mengimpikan Malaysia yang dihuni oleh masyarakat yang menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa yang mampu menyatukan ummah dalam masyarakat majmuk, di samping kekal sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. **PB**